

Pas cuba hakis kepercayaan rakyat terhadap TPM — Muhyiddin

UM 8 APR 2002

KUALA LUMPUR 7 April — Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, tindakan Pas mempertikaikan kredibiliti Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menerusi bancian pendapat dalam organ rasminya, *Harakah*, bertujuan menghakis kepercayaan rakyat terhadap kepimpinan Timbalan Perdana Menteri.

Beliau menegaskan, rakyat mengetahui bahawa Abdullah telah menunjukkan keupayaan tinggi membantu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mentadbir negara termasuk ketika Dr. Mahathir melakukan lawatan ke luar negara.

Justeru, menurut Mu-

yiddin, sepatutnya tidak timbul sebarang usaha atau percubaan untuk mempertikaikan kebolehan dan kewibawaan Abdullah.

Beliau percaya tindakan Pas mempersoalkan kredibiliti Abdullah dengan menggunakan cara bancian itu sebenarnya bermotif untuk melagakan kepimpinan dalam UMNO:

“Ini cuma muslihat Pas yang telah pun kehabisan modal untuk mewujudkan perasaan curiga dan syak-wasangka di kalangan ahli UMNO mengenai siapa yang bakal menerajui negara selepas Datuk Seri Dr. Mahathir.

“Sedangkan dari segi kepimpinan, saya kira rakyat teruta-

ma ahli LJMNO memang menyokong Abdullah sebagai orang nombor dua parti dan kerajaan yang berupaya member&an kepimpinan yang terbaik.

“Cuma, yang mustahak sekarang ialah ahli UMNO jangan terpedaya dengan muslihat Pas ini,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut bancian pendapat Pas, cuma 16 peratus daripada 3,738 responden menaruh keyakinan kepada Abdullah.

Muhyiddin seterusnya berkata, beliau yakin motif Pas menyersng personaliti pemimpin UMNO tidak akan berjaya kerana ramai menyedari muslihat yang diatur oleh parti tersebut.